

Media item

Full Text

Tumpu usaha bantu siswa harungi kesan pandemik

Berita Harian Ahad, Malaysia by dr noraini ahmad

14 Nov 2021

Nasional - Page 0 - 1116 words - ID my0045987253 - Photo: No - Type: -

Size: 1178.00cm²

Tumpu usaha bantu siswa harungi kesan pandemik Datuk Seri Dr Noraini Ahmad Ikuti soal jawab bersama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad Muka 12/13 KPT perlu capai empat KPI dalam 100 hari Soalan (S): Pelajar sudah kembali ke kampus, ada masalah setakat ini? Jawapan (J): Kemasukan pelajar ke kampus secara berperingkat berjalan lancar. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di setiap universiti berjaya mengurus hal kemasukannya, sebab jika ada masalah, akan jadi kecoh, tetapi kali ini memang bagus. Universiti diberi hak uruskan hal kemasukan ke kampus, pergerakan keluar masuk pelajar juga ditentukan universiti masing-masing. Jika mereka tiba di kampus, kemudian keluar dan masuk semula ke kampus, perlu jalani ujian sendiri air liur, tetapi itu di bawah tanggungan sendiri. Kita hanya bagi sekali 'one-off' ujian sendiri secara percuma kepada semua pelajar yang masuk semula ke kampus. S: Pelajar mahu kembali ke kampus perlu lengkap dua dos vaksin, bagaimana pematuhannya setakat ini? J: Hanya sebahagian kecil pelajar tidak divaksin atas alasan kesihatan. Jika masuk ke kampus, mereka perlu jalani ujian saringan kit ujian pantas (RTK) tiga hari sebelum masuk dan tunjukkan bukti kesihatan itu. Kita hanya beri keutamaan pelajar yang lengkap dua dos vaksin dan selepas 14 hari dos kedua. Ada enam kategori diberi masuk kampus termasuk yang perlu jalani amali, tiada kemudahan internet, menggunakan makmal dan pelajar orang kurang upaya (OKU). Selebihnya kita galakkan mereka belajar.

Noraini Ahmad Pandemik COVID-19 memberi kesan langsung kepada perjalanan sektor pengajian tinggi negara. Sebahagian besar kampus ditutup sebelum ini memaksa sesi pengajian dan pembelajaran dilaksanakan sepenuhnya menerusi dalam talian. Serentak itu, pelbagai isu membabitkan pelajar mula dibangkitkan yang antara lain menyentuh hal kebajikan mahasiswa, vaksinasi, kebolehpasaran serta pengangguran dalam kalangan graduan. Wartawan BH, Sariha Mohd Ali dan Mohd Nasaruddin Parzi menemu bual Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad bagi memperinci isu ini. di rumah dulu pada waktu ini. Kita dapati apabila Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) buat pengumuman pelajar dibenar ambil vaksin di manamana Pusat Pemberian Vaksin (PPV), jumlahnya meningkat mendadak. S: Adakah RTK hanya babitkan pelajar sahaja? J: Kita mahu pastikan warga kampus terpelihara dan mencegah penularan pandemik. Jadi pembekalan RTK ini babitkan pelajar sedia ada, pelajar baharu dan bagi maksud intervensi bagi pelajar luar kampus yang berulang alik serta pelajar bergejala. Sebanyak 1.16 juta unit RTK dibekalkan membabitkan kos RM17.5 juta dengan baki kit ujian ini diedarkan selewat-lewatnya akhir bulan ini. S: Ada masalah dalam urusan pemberian vaksin pelajar? J: Sebelum ini, saya men - cadang kan kepada Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin ketika menjawat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), untuk membenarkan pelajar ambil vaksin di manamana PPV berdekatan mereka. Sebab pelajar berada di seluruh negara, jadi sukar untuk mereka dapatkan vaksin jika hanya diberi di universiti dan perlu masuk ke kampus dulu. Kita mahu memudahkan mereka dan masuk ke kampus, mereka sudah lengkap divaksin. Urusan pengambilan vaksin mudah, hanya tunjukkan kad pelajar tanpa janji temu. Bagi pelajar baharu bagi kemasukan baharu, hanya tunjukkan surat tawaran. S: Ada kakitangan universiti enggan divaksin, bagaimana KPT mengurus kumpulan ini? J: Memang ada kakitangan begitu dan prosesnya sama dengan pelajar jika masuk ke kampus. Berdasarkan maklumat, kakitangan tidak divaksin ini mendapat kebenaran doktor kerana masalah kesihatan. Kita turut perkenalkan program VACC2CAMPUS bagi membentuk komuniti kampus selamat selaras pembukaan kampus secara berperingkat - kat mulai 15 Oktober lalu. Bagi pemberian vaksin kepada warga pendidikan tinggi melalui Program VACC2CAMPUS pula, 86 peratus atau 1,086,469 orang sudah menerima vaksinasi lengkap iaitu 84 peratus atau

959,917 pelajar daripada 1,137,781 pelajar IPT menerima dos leng - kap secara keseluruhannya. Bagi staf akademik dan bukan akademik pendidikan tinggi, sebanyak 96 peratus atau 126,552 orang menerima vaksinasi lengkap. Dengan kerjasama pelbagai pihak, termasuk CITF yang membenarkan vaksinasi secara walk-in, kita jangka pada 7 Disember nanti, semua 100 peratus warga pendidikan tinggi lengkap divaksin.S: KPT bercadang mewajibkan dos penggalak kepada pelajar selepas ini? J: Dos penggalak hanya diberi selepas tiga hingga enam bulan mengikut jenis vaksin diambil. Jika perlu, saya akan arahkan Ketua Pe n garah Pendidikan Tinggi berbincang semula de ngan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) bagi membolehkan dos penggalak diberi kepada pelajar.Setakat ini, sebahagian besar pelajar baru selesai ambil dan lengkapkan vaksin mereka, malah ada yang belum selesai dos kedua. Dari segi fasiliti Pusat PPV IPT, kita akan teruskan pembukaannya selagi diperlukan.S: Bagaimana pula dengan hal kebajikan pelajar yang banyak dibangkitkan mahasiswa? J: Kita banyak membantu mereka, termasuk pemberian baucar makanan percuma melalui Program FOOD@CAMPUS Keluarga Malaysia khusus untuk pelajar B40. KPT anggarkan 443,760 baucar makanan disediakan bernilai RM15 bagi setiap baucar. Program ini mula dilaksana 18 Oktober lalu membabitkan peruntukan RM6.7 juta. Kita jang ka kira-kira 88,752 pelajar B40 bersasar, yang sudah dikenal pasti universiti masing-masing menerima manfaat inisiatif ini. Kita menggunakan dana dalaman untuk menjayakan inisiatif ini, bukan dana kementerian. Jadi, jika dana ini tidak digunakan sepenuhnya, ia akan disimpan semula di universiti. Sebenarnya 70 peratus pelajar di universiti awam (UA) ketika ini adalah golongan B40, jumlahnya ramai.S: Bagaimana agihan baucar makanan dilakukan? J: Ia disediakan selama satu semester menerusi dua cara, melalui baucar digital yang akan dilaksana di Universiti Kebang - saan Malaysia (UKM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta 15 lagi pelajar UA diberi secara tunai. Kita serahkan kepada universiti menentukan mekanisme sesuai dalam pengendalian baucar ini. Yang penting ia membantu pelajar, terutama B40. Pelajar di luar kampus juga mendapat baucar untuk membeli makanan di kafe dalam universiti. S: Adakah program bank makanan KPT dihentikan? J: Ia masih ada dan terus berjalan, malah sudah diwujudkan di setiap universiti. Foodbank ini lebih kepada makanan kering dan pemberian barangan keperluan asas seperti beras kepada pelajar di luar kampus serta yang menginap di rumah sewa. Sehingga sekarang, foodbank masih berjalan, jadi sepatutnya tidak ada berkaitan kekurangan bekalan makanan membabitkan mahasiswa.S: Pandemik menyebabkan ada pelajar di institusi pe ngajian tinggi swasta (IPTS) yang dibiaya keluarga terpaksa menghentikan pengajian kerana masalah kewangan susulan ibu bapa kehilangan atau diberhentikan kerja? J: Kita ada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), mereka boleh memohon pinjaman dan saya jamin urusan mengenainya dipermudahkan. Kita tidak mahu pelajar menamatkan pengajian separuh jalan disebabkan isu kewangan kerana ia menjejaskan masa depan mereka.S: Bagaimana dengan pengurangan yuran pelajar yang masih diperkatakan sehingga kini?J: Kita faham pandemik menjejaskan semua pihak, termasuk pelajar. Kita sudah umumkan pengurangan yuran 20 peratus bagi semester ini untuk me - ngurangkan beban kewangan pelajar dan ibu bapa.Sebenarnya, kadar yuran UA di Malaysia antara termurah dalam kalangan negara ASEAN dengan 90 peratus subsidi di berikan kerajaan kepada semua pelajar. Untuk semester seterusnya, keputusan sama ada kadar yuran kekal dikurangkan 20 peratus atau sebaliknya akan dibuat selepas menilai kesan pandemik ini. S: Isu pelajar menjalani latihan industri tidak diberi elaun sepatutnya oleh majikan sektor swasta. Apakah tindakan diambil KPT? J: Ini tidak sepatutnya berlaku kerana pelajar terbabit melakukan tugas sama seperti pekerja lain. Usaha mereka wajar diiktiraf dengan pemberian sedikit elaun kerana mereka juga perlu makan dan minum, menanggung kos perjalanan serta penginapan.Bagi kerajaan, kita membayar elaun RM900 sebulan kepada pelatih terbabit dan pihak swasta turut digesa mengambil tindakan sama. Ia kadar yang munasabah. Memang kita akui menerima rungutan pelajar berhubung perkara itu, apa salahnya khidmat mereka dihargai sepanjang menjalani latihan wajib sebagai prasyarat untuk menamatkan pengajian. S: Mungkin majikan swasta enggan membayar elaun tinggi kepada pelatih indus - tri kerana ia menyebabkan tambahan perbelanjaan ditanggung syarikat? J: Memang jumlah bayaran elaun latihan RM900 sebulan tidak diwajibkan bagi sektor swasta, namun kita galakkan majikan membuat bayaran sama kepada pelajar bagi meringankan beban khususnya golongan B40.

Kerajaan memberi insentif potongan cukai, jadi ia tidak membebankan syarikat, malah memberi persepsi positif pelajar terhadap mereka.

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.